

22/09/1997

Badan kerajaan jadi batu penghalang

Abdul Rahim Hashim

DALAM usaha Kerajaan membentuk masyarakat perniagaan khususnya di kalangan usahawan kecil dan sederhana Bumiputera, saya pelik kerana ada kementerian masih merestui badan kerajaan membabitkan diri dalam perniagaan. Ia bukan saja tidak selari dengan `rentak tahan' yang dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi menjadi batu rintangan kepada hasrat murni kerajaan untuk mewujudkan, membanyak dan menjayakan usahawan kecil dan sederhana dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kegiatan badan kerajaan itu juga mula menyaingi, mengambil alih kegiatan perniagaan peniaga kecil dan sederhana di samping merampas perniagaan koperasi yang juga pada awalnya ditaja oleh badan yang sama.

Di samping itu diperhatikan ada antara kegiatan perniagaan ini dikendalikan oleh syarikat besar bukan Bumiputera dengan syarikat kerajaan ini sebagai rakan perniagaan yang tidak aktif. Perkara ini dapat diperhatikan berlaku di beberapa agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuk Risda dan Felcra.